



MOH/P/PAK/358.18(GU)

Garis Panduan

PROSEDUR OPERASI RADIO KOMUNIKASI

Kementerian Kesihatan Malaysia

Garis Panduan

PROSEDUR OPERASI RADIO KOMUNIKASI

Kementerian Kesihatan Malaysia



Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Garis Panduan Prosedur Operasi Radio Komunikasi

Kementerian Kesihatan Malaysia

Terbitan Pertama di Malaysia pada Julai 2019 oleh:

Bahagian Perkembangan Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

©The Ministry of Health Malaysia 2019 www.moh.gov.my

Data dalam pengkatalogan Institut Penyelidikan Perubatan

Rekod katalog bagi buku ini boleh diperolehi dari Institut Penyelidikan Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Data dalam pengkatalogan Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog bagi buku ini boleh diperolehi dari Perpustakaan Negara Malaysia

MOH/P/PAK/358.18(GU)

ISBN 978-967-0769-99-8



9 789670 769998

Hak cipta terpelihara: Tiada mana bahagian dari penerbitan ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa-apa sistem pengkalan data atau disebarluaskan dalam sebarang bentuk atau dengan apa-apa cara sekalipun, elektronik, makanikal, fotostat, rakaman, atau lain-lain cara tanpa izin bertulis daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

KANDUNGAN

PRAKATA	
Ketua Setiausaha	V
Ketua Pengarah Kesihatan	Vi
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)	Vii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1. Pendahuluan	01
1.2. Objektif Sistem Radio Komunikasi KKM	02
1.3. Tujuan	02
1.4. Skop Komunikasi Radio	03
BAB 2: TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB	
2.1. Pengenalan	04
2.2. Organisasi	04
2.3. Tugas Dan Tanggungjawab	05-07
BAB 3: PENGURUSAN RANGKAIAN	08-11
BAB 4: PENGATURCARAAN RADIO KOMUNIKASI DAN KESELAMATAN MAKLUMAT	
4.1. Operasi Radio Komunikasi Di Peringkat MECC	12
4.2. Keselamatan Maklumat Semasa Radio Komunikasi	12
4.3. Pengaturcaraan <i>Talk Group</i>	13-15
4.4. Pemantauan Operasi Harian Di Peringkat MECC	15
BAB 5: KESELAMATAN MAKLUMAT SEMASA RADIO KOMUNIKASI	
5.1. Komunikasi Operasi Ambulans Kecemasan	16-17
5.2. Komunikasi Operasi Perkhidmatan Pasukan Perlindungan Perubatan	17-19
5.3. Komunikasi Operasi Semasa Bencana	19
5.4. Pelan Komunikasi Di Tempat Kejadian	20
5.5. Penetapan <i>Talk Group</i> Di Tempat Kejadian	21
5.6. Pelan Komunikasi Di Fasiliti KKM	21
5.7. Penetapan <i>Talk Group</i> Di EDOC	22
5.8. Penukaran <i>Talk Group</i> Semasa Bencana	22
5.9. Peranan MECC Dalam Pemantauan Komunikasi Semasa Bencana	23
BAB 6: PEROLEHAN PERALATAN RADIO KOMUNIKASI	
6.1. Pendahuluan	24
6.2. Skop	24
6.3. Konsep	24
6.4. Jenis-Jenis Terminal Dan Aksesori	24-25

6.5. Tatacara Perolehan	26
6.6. Tatacara Pendaftaran Terminal G/RN	26
6.7. Tatacara Pinjaman Terminal Simpanan KKM	27
6.8. Tatacara Penggunaan <i>Channel Audio Bridge</i>	27
BAB 7: PENYELENGGARAAN TERMINAL	
7.1. Pendahuluan	28
7.2. Skop	28
7.3. Konsep	28
7.4. Pemantauan Status Terminal	28
7.5. Penyelenggaraan Pembaikan Terminal	29
7.6. Pengurusan Pergerakan Terminal	29-30
7.7. Pindahan Aset / Terminal	30
7.8. Pelupusan Terminal	30-31
7.9. Pengurusan Kehilangan Aset	31
BAB 8: LATIHAN	
8.1. Pengenalan	32
8.2. Konsep Latihan	32
8.3. Modul Latihan	33
8.4. Pelaksanaan Latihan	33
8.5. Program Kepastian Kualiti (<i>Quality Assurance</i>)	34
LAMPIRAN	
Lampiran 1 - Jawatankuasa Teknikal <i>Pre Hospital Care And Ambulance Services</i>	36
Lampiran 2 - Carta Organisasi Jawatankuasa Teknikal Radio Komunikasi Kebangsaan KKM	37
Lampiran 3 - <i>Call Signs</i>	38-39
Lampiran 4 - Kod Maklumat Komunikasi Radio	40-41
Lampiran 5 - Kod Maklumat Komunikasi Radio	42-43
Lampiran 6 - Laporan Status Terminal Radio Komunikasi Kementerian Kesihatan Malaysia	44
Lampiran 7 - Pembaikan Dan Pemulangan Terminal Rosak	45
Lampiran 8 - <i>Training Module</i>	46-51
Panel Deraf Garis Panduan Prosedur Operasi Radio Komunikasi KKM	52-53

PRAKATA



Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Radio Komunikasi merupakan proses penyampaian informasi antara dua pihak dengan menggunakan radio. Ianya penting untuk pelaksanaan operasi bagi pengumpulan data, perancangan, perangkaan strategi dan juga alat komunikasi apabila berlakunya bencana di Malaysia

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk merakamkan kata pengantar dalam Garis Panduan Prosedur Operasi Radio Komunikasi KKM.

Radio Komunikasi merupakan proses penyampaian informasi antara dua pihak dengan menggunakan radio. Ianya penting untuk pelaksanaan operasi bagi pengumpulan data, perancangan, perangkaan strategi dan juga alat komunikasi apabila berlakunya bencana di Malaysia.

Sistem Radio Komunikasi KKM adalah berteraskan kepada Sistem Komunikasi Bersepadu Kerajaan yang diselaras dan dikawal selia oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sistem Komunikasi Bersepadu Kerajaan atau *GIRN (Government Integrated Radio Network)* merupakan satu rangkaian yang berkongsi prasarana, tetapi mengekalkan autonomi dan kebebasan setiap agensi. Garis panduan ini bertujuan dijadikan sebagai satu dokumen rujukan untuk kegunaan semua pengguna radio komunikasi di dalam KKM. Dengan adanya garis panduan ini, kakitangan KKM dapat mengendalikan peralatan radio komunikasi dengan lebih berkesan dan efektif.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada jawatankuasa atas usaha dalam menghasilkan garis panduan ini yang akan diedarkan kepada seluruh Malaysia. Semoga usaha sebegini akan diteruskan lagi di masa-masa akan datang.

PRAKATA



Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Assalamualaikum wbt dan salam sehati sejiwa.

Pertama sekali marilah kita memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia Nya, kita dapat menyaksikan kemunculan dokumen Garis Panduan Prosedur Operasi Radio Komunikasi bagi Kementerian Kesihatan Malaysia.

Mutakhir ini kita melihat perkembangan komunikasi yang sangat pantas yang telah mencapai di luar tahap biasa. Ianya menjadi sangat penting sehingga komunikasi yang efektif boleh mencorakkan kejayaan suatu operasi yang dirancang. Populariti umum mengenai komunikasi kini mungkin terhad kepada telefon bimbit dan talian tetap di rumah tetapi menjangkau batas usia, bangsa, tahap pendidikan mahupun taraf ekonomi pengguna. Fenomena ini sangat memberi kesan sewaktu bencana apabila

kadar penggunaan yang tinggi disertai dengan kemasuhan infrastruktur komunikasi menjadikan ruang komunikasi ini yang pada ketikanya lumpuh dari beroperasi. Perkembangan teknologi yang mampu mengintegrasikan komunikasi telefon dan frekuensi radio merupakan cabaran bentuk baru yang perlu diberikan perhatian oleh semua agensi menyelamat yang lain.

Bagi Kementerian Kesihatan Malaysia, komunikasi telah menjadi satu elemen yang penting dalam perkhidmatan kesihatan bermula dengan era perkhidmatan pra hospital. Walaupun struktur organisasi perkhidmatan ini dilihat kurang tersusun di awal operasi, sejarah membuktikan peralatan radio komunikasi telah digunakan dengan meluas oleh kakitangan KKM. Ini dapat dilihat dalam penggunaan peralatan *walkie-talkie* oleh petugas ambulans di hospital mahupun klinik kesihatan. Namun tidak dapat dinafikan disiplin komunikasi yang diamalkan amat longgar serta tidak sistematik yang boleh menjadikan kualiti perkhidmatan dan profesionalisma Kementerian Kesihatan Malaysia.

Usaha berterusan Kerajaan dalam memartabatkan mutu perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada rakyat Malaysia tidak melupakan aspek komunikasi yang kini merupakan salah satu tunjang penting di dalam perkhidmatan pra hospital dan ambulans. Bagi memastikan perkhidmatan ini terus mampan dengan perkembangan komunikasi, usaha yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Teknikal Radio Komunikasi Kebangsaan dalam merangka satu pelan operasi komunikasi yang sistematik amatlah dialu alukan. Semoga dokumen ini menjadi penanda aras baru dalam Perkhidmatan Pra Hospital Dan ambulans dalam mengadaptasikan radio komunikasi global. Saya berharap dokumen ini dapat meningkatkan profesionalisma di kalangan petugas KKM sekaligus memartabatkan imej KKM setaraf agensi-agensi penyelamat Malaysia yang lain.

Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat menyediakan dokumen ini. Semoga langkah permulaan ini menjadi pemangkin terhadap semua usaha ke arah menaikkan mutu perkhidmatan KKM ke satu tahap yang lebih tinggi untuk negara yang tercinta ini.

PRAKATA

Datuk Dr. Hj. Rohaizat bin Hj. Yon
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

GIRN adalah penting untuk memastikan saluran informasi dapat disampaikan dengan lancar, betul dan selamat. Selain itu, Sistem Komunikasi Bersepadu Kerajaan ini juga boleh mewujudkan kemampuan 3C (Command, Control & Communication) yang terjamin antara agensi-agensi kerajaan

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada jawatankuasa kerana berjaya menghasilkan garis panduan ini untuk kegunaan KKM.

Komunikasi merupakan salah satu elemen yang penting di seluruh dunia. Dengan komunikasi yang efektif, mesej yang tepat dapat disampaikan dalam kecemasan. KKM menggunakan Sistem Komunikasi Bersepadu Kerajaan atau dikenali sebagai *G/RN* sebagai radio komunikasi di antara agensi-agensi kerajaan.

G/RN adalah penting untuk memastikan saluran informasi dapat disampaikan dengan lancar, betul dan selamat. Selain itu, Sistem Komunikasi Bersepadu Kerajaan ini juga boleh menwujudkan kemampuan 3C (*Command, Control & Communication*) yang terjamin antara agensi-agensi Kerajaan. Dengan adanya sistem komunikasi yang efektif, ia dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada kesihatan rakyat Malaysia.

Akhir sekali, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa Teknikal Penyediaan Garis Panduan Prosedur Operasi Radio Komunikasi KKM kerana telah berjaya menggembeleng tenaga dan kepakaran dalam menghasilkan garis panduan yang berguna ini.

SENARAI SINGKATAN

1.	APM	-	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
2.	APMM	-	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia
3.	BER	-	<i>Beyond Economical Repair</i>
4.	BSMM	-	Bulan Sabit Merah Malaysia
5.	CPRC	-	<i>Crisis Preparedness and Response Center</i>
6.	DMO	-	<i>Direct Mode Operation</i>
7.	EDOC	-	<i>Emergency Department Operation Center</i>
8.	GIRN	-	<i>Government Integrated Radio Network</i>
9.	ISSI	-	<i>Individual Short Subscriber Identity</i>
10.	JBPM	-	Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
11.	JTRKK	-	Jawatankuasa Teknikal Radio Komunikasi Kebangsaan
12.	KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
13.	MCAD	-	<i>Mobile Computer Aided Dispatch</i>
14.	MECC	-	<i>Medical Emergency Coordination Center</i>
15.	MERS	-	<i>Malaysia Emergency Response System</i>
16.	MKN	-	Majlis Keselamatan Negara
17.	MELO	-	<i>Medical Liaison Officer</i>
18.	MESARO	-	<i>Medical Search and Rescue Officer</i>
19.	MIC	-	<i>Medical Incident Coordinator</i>
20.	NADMA	-	<i>National Disaster Management Agency</i>
21.	OMC	-	<i>Onsite Medical Commander</i>
22.	PDRM	-	Polis Diraja Malaysia
23.	PKOM	-	<i>Communication Officer</i>
24.	PKTK	-	Pos Kawalan Tempat Kejadian
25.	PPP	-	Penolong Pegawai Perubatan
26.	RRV	-	<i>Rapid Response Vehicle</i>
27.	SCAB	-	<i>Single Channel Audio Bridge</i>
28.	SDS	-	<i>Short Data Services</i>
29.	SJAM	-	<i>St. John Ambulance of Malaysia</i>
30.	TMO	-	<i>Trunked Mode Operation</i>
31.	TG	-	<i>Talk Group</i>
32.	TETRA	-	<i>Terrestrial Trunked Radio</i>

BAB 1 | PENGENALAN

1.1. PENDAHULUAN

- 1.1.1 Komunikasi merupakan proses penyampaian informasi dari satu pihak kepada pihak lain dengan menggunakan medium perhubungan samada lisan atau teks yang dapat difahami oleh kedua dua belah pihak. Dalam perhubungan di antara agensi-agensi kerajaan, komunikasi ini adalah penting dalam perlaksanaan operasi bagi proses pengumpulan data, perancangan dan merangka strategi pengoperasian sesebuah agensi. Tatacara berkomunikasi secara sistematis perlu dipatuhi agar kebocoran maklumat tidak berlaku semasa penyampaian maklumat.
- 1.1.2 Sistem Komunikasi Radio KKM adalah berteraskan kepada Sistem Komunikasi Bersepadu Kerajaan yang juga dikenali sebagai *Government Integrated Radio Network (GIRN)* iaitu satu projek strategik peringkat nasional yang diselaras dan dikawal selia oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) di bawah Jabatan Perdana Menteri.
- 1.1.3 Sistem ini juga merupakan satu rangkaian komunikasi digital bersepadu yang berkongsi prasarana, tetapi pada masa yang sama masih mampu mengekalkan autonomi setiap agensi masing-masing.
- 1.1.4 Penggunaan Komunikasi Radio KKM adalah berlandaskan kepada 3 operasi utama *MERS 999* seperti berikut:
 - 1.1.4.1. Operasi Ambulans Kecemasan dan *Interfacility Transfer*.
 - 1.1.4.2. Operasi Liputan Perlindungan Perubatan.
 - 1.1.4.3. Operasi Semasa Bencana.
- 1.1.5 Antara agensi-agensi utama yang sering menjalankan operasi bersama dengan KKM adalah seperti:
 - 1.1.5.1. Majlis Keselamatan Negara (MKN).
 - 1.1.5.2. Polis Diraja Malaysia (PDRM).
 - 1.1.5.3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).
 - 1.1.5.4. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).
 - 1.1.5.5. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

1.2. OBJEKTIF SISTEM RADIO KOMUNIKASI KKM

- 1.2.1** Menyokong dan memastikan kelancaran pengoperasian KKM.
- 1.2.2** Memastikan saluran informasi dapat disampaikan dengan lancar, betul dan selamat.
- 1.2.3** Mewujudkan kemampuan 3C (*Command, Control & Communication*) yang terjamin.

1.3. TUJUAN

Tujuan garis panduan ini disediakan untuk:

- 1.3.1.** Sebagai dokumen rujukan untuk kegunaan semua pengguna radio komunikasi di dalam KKM.
- 1.3.2.** Sebagai panduan kepada semua kakitangan KKM untuk mengurus dan mengendali peralatan radio komunikasi dengan sempurna dan berkesan.
- 1.3.3.** Sebagai panduan dalam membentuk carta organisasi dan individu yang dilantik dan menjelaskan tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam perancangan dan pengoperasian radio komunikasi KKM supaya ianya dapat berfungsi mengikut tatacara yang telah ditetapkan.
- 1.3.4.** Sebagai panduan dalam pengurusan rangkaian melibatkan aspek perancangan, pengoperasian dan pemantauan keseluruhan radio komunikasi KKM serta mematuhi peraturan keselamatan rangkaian radio komunikasi KKM yang telah ditetapkan oleh MKN.
- 1.3.5.** Sebagai panduan berkaitan dengan tanggungjawab terhadap kepentingan keselamatan peralatan radio komunikasi.
- 1.3.6.** Sebagai panduan asas berkaitan dasar dan tatacara penyelenggaraan terminal peralatan radio komunikasi.
- 1.3.7.** Sebagai panduan dalam memberi latihan sistematik dan komprehensif kepada Pengendalian Radio Komunikasi bagi membina sikap, kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan di kalangan pengguna terminal.

1.4. SKOP KOMUNIKASI RADIO

Skop Komunikasi Radio KKM adalah dibangunkan berlandaskan kepada 10 teras utama seperti berikut:

- 1.4.1. Mengekalkan autonomi (kawalan) Agensi Pengguna walaupun berkongsi prasarana.
- 1.4.2. Liputan di seluruh negara dipertingkatkan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan agensi pengguna (tertakluk kepada kelulusan Kerajaan).
- 1.4.3. Tahap kesiapsiagaan dan ketersediaan (*availability*) yang tinggi.
- 1.4.4. Tahap keselamatan dan kerahsiaan yang tinggi.
- 1.4.5. Berkeupayaan untuk akses kepada pangkalan data dan penggunaan aplikasi (atas kelulusan Agensi Pengawal).
- 1.4.6. Perkhidmatan suara yang jelas.
- 1.4.7. Perkhidmatan suara dan data yang bersepadu menerusi alat/ terminal yang sama.
- 1.4.8. Integrasi kepada sistem komunikasi legasi atau yang sedia ada (atas kelulusan Agensi Pengawal).
- 1.4.9. Berkeupayaan untuk mendokong *interoperability* dan *multiagency operation*.
- 1.4.10. Menyediakan khidmat sokongan di seluruh negara menggunakan kepakaran warga Malaysia.

BAB 2 | TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

2.1. PENGENALAN

Jawatankuasa Teknikal Radio Komunikasi Kebangsaan KKM yang dilantik mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam perancangan dan pengoperasian radio komunikasi KKM. Ini membolehkan radio komunikasi KKM dapat berfungsi mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

2.2. ORGANISASI

- 2.2.1.** Organisasi di sini adalah bermaksud organisasi KKM yang bertanggungjawab dalam perancangan dan pengoperasian serta pemantauan radio komunikasi KKM.
- 2.2.2.** Jawatankuasa Teknikal Radio Komunikasi Kebangsaan KKM ditubuhkan bagi mengkaji, merancang dan menentukan halatuju radio komunikasi KKM (Rujuk Lampiran 2). Tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini adalah seperti berikut:
 - 2.2.2.1.** Merancang keperluan Sistem G/RN untuk kegunaan KKM.
 - 2.2.2.2.** Bertanggungjawab dalam menggubal dasar dan arahan operasi radio komunikasi KKM.
 - 2.2.2.3.** Bekerjasama dengan agensi-agensi terlibat dalam penggunaan radio komunikasi KKM bagi kepentingan KKM.
 - 2.2.2.4.** Bekerjasama dengan syarikat pemegang konsesi dalam penggunaan radio komunikasi KKM.
 - 2.2.2.5.** Menyemak dan memproses semua permohonan keperluan perkhidmatan radio komunikasi KKM.
 - 2.2.2.6.** Memberi nasihat teknikal dan pengoperasian perkhidmatan radio komunikasi KKM kepada pengguna.
 - 2.2.2.7.** Memantau pelaksanaan kerja-kerja pemasangan, percubaan dan pengoperasian kemudahan perkhidmatan radio komunikasi KKM.
 - 2.2.2.8.** Mengkoordinasikan pengagihan dan penerimaan peralatan radio komunikasi KKM.
 - 2.2.2.9.** Merancang aktiviti-aktiviti latihan kepada pengguna-pengguna peralatan radio komunikasi KKM.

- 2.2.2.10.** Memantau semua aset dan perkhidmatan radio komunikasi KKM.
- 2.2.2.11.** Merancang proses penyelenggaraan peralatan radio komunikasi KKM di antara pengguna dengan syarikat pemegang konsesi.
- 2.2.2.12.** Merancang dan menetapkan Program Kepastian Kualiti (*Quality Assurance*).

2.2.3. PENG AUDITAN

Jawatankuasa Teknikal Radio Komunikasi Kebangsaan KKM akan menentukan pengauditan peralatan radio komunikasi KKM mengikut peraturan dan tatacara sedia ada. Skop pengauditan adalah merangkumi perkara berikut:

- 2.2.3.1.** Mengurus inventori radio komunikasi KKM merangkumi pemeriksaan fizikal terminal, *Individual Short Subscriber Identity (ISSI)* dan penetapan konfigurasi terminal.
- 2.2.3.2.** Melaksanakan pengauditan terhadap pengoperasian radio komunikasi KKM di lapangan.
- 2.2.3.3.** Memantau pelaksanaan Program Kepastian Kualiti (*Quality Assurance*).

2.3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

2.3.1. PENGERUSI JAWATANKUASA

Pengerusi Jawatankuasa Radio Komunikasi Kebangsaan KKM yang dilantik oleh Program Perubatan KKM. Pegawai tersebut bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas berikut:

- 2.3.1.1.** Mengkoordinasi rangkaian radio komunikasi KKM mengikut Wilayah:
 - 2.3.1.1.1.** Tengah (W.P Kuala Lumpur dan Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan).
 - 2.3.1.1.2.** Selatan (Johor dan Melaka).
 - 2.3.1.1.3.** Timur (Pahang, Kelantan dan Terengganu).
 - 2.3.1.1.4.** Utara (Kedah, Perak, Perlis, Pulau Pinang).

2.3.1.1.5. Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

2.3.1.1.6. Sarawak.

2.3.1.2. Mengkoordinasi rangkaian radio komunikasi KKM mengikut keperluan *CPRC*.

2.3.1.3. Merancang keperluan radio komunikasi KKM.

2.3.2. PEGAWAI PENYELARAS KOMUNIKASI DI MECC

Pegawai yang dikenalpasti akan mengkoordinasi dan menyelaras rangkaian Sistem *GIRN*. Beliau bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:

2.3.2.1. Mengawal dan mengendali pengoperasian rangkaian radio komunikasi KKM.

2.3.2.2. Menentukan keselamatan peralatan radio komunikasi KKM di rangkaian *MECC*.

2.3.2.3. Menyelaras rangkaian radio komunikasi KKM sebagaimana peraturan yang ditetapkan.

2.3.2.4. Melaporkan sebarang kerosakan sistem dan kehilangan terminal radio komunikasi KKM serta mengambil tindakan susulan.

2.3.2.5. Menentukan semua peralatan yang memerlukan senggaraan diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

2.3.3. PEGAWAI KOMUNIKASI

Pegawai Komunikasi adalah pegawai yang dilantik di kalangan PPP di peringkat *MECC* bagi mengendali dan memantau pengoperasian radio komunikasi KKM.

2.3.3.1. Penggunaan “*talk group*” yang bersesuaian dengan operasi dan tahap komunikasi.

2.3.3.2. Mengendalikan pengaturcaraan pelan komunikasi bagi setiap operasi perkhidmatan.

Menentukan kaedah kod komunikasi dari aspek “*call sign*” dan kod laporan.

2.3.4. PEGAWAI PENYELARAS KOMUNIKASI DI CPRC

Pegawai Penyelaras Komunikasi *CPRC* adalah pegawai yang bertanggungjawab memantau jaringan komunikasi radio KKM dan sebagai wakil dalam Jawatankuasa Radio Komunikasi Kebangsaan KKM.

- 2.3.4.1.** Memberi arahan dan menerima laporan yang berkaitan dari *CPRC* negeri.
- 2.3.4.2.** Menggunakan radio komunikasi KKM sebagai salah satu kaedah komunikasi semasa pengoperasian biasa atau situasi bencana.
- 2.3.4.3.** Mempunyai pengetahuan dan kemahiran menggunakan peralatan radio komunikasi KKM.
- 2.3.4.4.** Mengaktif sistem radio komunikasi KKM untuk berhubung antara *CPRC* Kebangsaan dengan *CPRC* negeri bagi pengoperasian biasa atau semasa krisis dan bencana.
- 2.3.4.5.** Bertanggungjawab dalam memantau penyelenggaraan dan perolehan aset radio komunikasi KKM.

2.3.5. PENGGUNA TERMINAL

Pengguna terminal adalah semua pegawai yang dibekalkan dengan peralatan radio komunikasi KKM bagi tujuan pengoperasian dan bertanggungjawab dalam menentukan perkara-perkara berikut:

- 2.3.5.1.** Menentukan keselamatan dan kebersihan fizikal peralatan.
- 2.3.5.2.** Pematuhan kepada semua prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.
- 2.3.5.3.** Tidak menyalahgunakan peralatan yang dibekalkan.
- 2.3.5.4.** Melapor dengan segera sekiranya berlaku kerosakan, kehilangan atau kecurian.
- 2.3.5.5.** Mematuhi prosedur serah/terima peralatan dibuat dengan betul dan direkodkan berpandukan kepada peraturan yang ditetapkan.

BAB 3 | PENGURUSAN RANGKAIAN

- 3.1. Pengurus Jawatankuasa Teknikal Radio Komunikasi Kebangsaan KKM adalah pengurus rangkaian radio komunikasi KKM.
- 3.2. Mematuhi peraturan keselamatan rangkaian radio komunikasi KKM yang telah ditetapkan oleh MKN.
- 3.3. Prosedur rangkaian radio komunikasi KKM perlu dipatuhi dan diikuti oleh semua pengguna agar pengoperasian dan penggunaan rangkaian secara efisien dan optimum.
- 3.4. Perkhidmatan asas rangkaian sistem radio komunikasi KKM terbahagi kepada dua:
 - 3.4.1. Suara.
 - 3.4.1.1. Panggilan Kumpulan (*Group Call*).
 - 3.4.1.2. Panggilan Individu (*Individual Call*).
 - 3.4.1.3. Panggilan Kecemasan (*Emergency Call*).
 - 3.4.2. Data.

Perkhidmatan data terbahagi kepada dua jenis seperti berikut:

 - 3.4.2.1. Pesanan Data (*Short Data Services*).

Short Data Services (SDS) merupakan perkhidmatan data ringkas yang boleh dihantar di dalam rangkaian Sistem GIRN. Pengguna boleh menghantar pesanan, arahan atau maklumat secara teks samada kepada perseorangan atau berkumpulan.
 - 3.4.2.2. Pesanan Status (*Status Message*).

Status Message merupakan pesanan data yang telah ditetapkan (*pre-defined message*) oleh perkhidmatan masing-masing.
- 3.5. Penggunaan rangkaian radio komunikasi KKM melalui 2 mode operasi:
 - 3.5.1. TMO-TMO adalah *mode default* Komunikasi GIRN. Mode ini beroperasi melalui infrastruktur rangkaian dan liputan GIRN. Ianya merupakan komunikasi secara berkumpulan dengan menggunakan *Talk Group* yang telah disediakan. *Talk Group* ini tertakluk kepada keperluan sesuatu tugas.

- 3.5.2.** *DMO* adalah komunikasi antara terminal ke terminal (*point to point*) tanpa melalui infrastruktur rangkaian dan liputan *G/RN*. *Mode* ini biasa digunakan apabila tiada liputan infrastruktur *G/RN*.
- 3.5.2.1.** *DMO* merupakan *mode* komunikasi secara berkumpulan seperti *TMO* tetapi ditubuhkan tanpa dihubungkan dengan infrastruktur rangkaian dan liputan *G/RN*.
- 3.5.2.2.** Bagi pengguna yang berada dalam *mode DMO* yang memerlukan perluasan liputan boleh menggunakan terminal yang mempunyai fungsi *gateway* sebagai *repeater*.
- 3.5.2.3.** Ianya terhad kepada komunikasi seperti *Group Call* dan *SDS* sahaja. Penggunaan *DMO* hanya dibenarkan apabila berada di luar liputan *G/RN* atau apabila diarahkan.
- 3.6.** Panggilan individu merupakan panggilan peribadi yang boleh digunakan dalam rangkaian *G/RN*.
- 3.7.** Peralatan Penambahbaikan Liputan *G/RN*.
- 3.7.1.** *Repeater*.
- Repeater* adalah satu kaedah yang boleh digunakan bagi menambah jarak perhubungan apabila terminal beroperasi dalam *mode DMO*.
- 3.7.2.** *Gateway*.
- Gateway* adalah salah satu kaedah bagi penambahbaikan liputan. Dalam keadaan dimana satu-satu terminal itu berada di dalam kawasan liputan 10 Watt sahaja, *Gateway* boleh digunakan untuk menyambungkan semula terminal ke dalam rangkaian radio komunikasi KKM dimana ianya juga akan membolehkan *TMO* berhubung dengan *DMO*.
- 3.7.3.** *Rapid Response Vehicle (RRV) / Portable Base Station*.

Ianya adalah satu unit peralatan sokongan mudah alih yang boleh diaturgerakkan ke mana-mana dalam masa yang ditetapkan. Unit ini mampu bertindak sebagai sebuah *Base Station* sementara bagi menyediakan liputan di kawasan-kawasan di mana liputan radio komunikasi KKM adalah amat rendah.

- 3.8. Setiap terminal dibekalkan bersama buku panduan pengguna oleh syarikat konsesi dan dikehendaki dibawa bersama dengan terminal.
- 3.9. Sebarang masalah teknikal berhubung dengan rangkaian dan terminal boleh menghubungi **CARE CENTER** di talian **1-800-88-4476**.
- 3.10. Nama Panggilan atau *call sign* adalah perlu dibuat dan ditetapkan oleh *MECC* mengikut pengoperasian masing-masing.
- 3.11. Semua rangkaian radio Komunikasi KKM akan menggunakan sistem rangkaian *GIRN*. Kawasan yang tiada liputan, masalah teknikal pada rangkaian *GIRN* dan situasi bencana. Rangkaian sistem alternatif boleh diusahakan dengan persetujuan bersama Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Radio Komunikasi KKM. Berikut adalah antara sistem alternatif:

 - 3.11.1. Penggunaan talian darat atau telefon mudah alih akan digunakan.
 - 3.11.2. Penggunaan rangkaian Radio Amatur, *UHF/VHF/HF*.
 - 3.11.3. Penggunaan Telefon Satelit.
- 3.12. Rangkaian sistem radio komunikasi KKM hendaklah digunakan secara optima dalam pengoperasian biasa dan dalam situasi bencana. *Crisis Preparedness and Response Center (CPRC)* KKM perlu diaktifkan dan menggunakan rangkaian *GIRN* untuk berhubung dengan Pusat Kesiapsiagaan Krisis Negeri yang lain. Penggunaan sistem radio komunikasi KKM menggunakan tatacara yang telah sedia ada.
- 3.13. Rangkaian *GIRN* memerlukan tatacara saluran (*Talk Group*) yang telah ditetapkan samada dalam keadaan operasi biasa, pasukan perlindungan perubatan dan situasi bencana.
- 3.14. Penggunaan rangkaian sistem radio komunikasi KKM hendaklah mengikut polisi yang telah ditetapkan untuk mengelakkan penyalahgunaan yang boleh membahayakan keselamatan maklumat yang disampaikan.
- 3.15. Terminal Ketua Perkhidmatan Perubatan Kecemasan Kebangsaan hendaklah mempunyai semua *Talk Group* yang telah diwujudkan oleh KKM.
- 3.16. *MECC* hendaklah mempunyai keupayaan untuk mendengar kesemua *Talk Group* dalam kawasan liputannya.
- 3.17. *MECC* hendaklah membuat penyelarasan dalam menentukan *Talk Group* masing-masing dan menyelia kawasan liputan secara berkala.
- 3.18. Penukaran fungsi *Talk Group* Kebangsaan hanya boleh dibuat oleh Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Radio Komunikasi Kebangsaan KKM dengan persetujuan Ketua Perkhidmatan.

- 3.19. Pemusatkan dan mobilisasi aset-aset dalam situasi bencana boleh dibuat oleh Pegawai Penyelaras Bahagian (*Regional*) dengan kelulusan Pengurus Jawatankuasa Teknikal Radio Komunikasi Kebangsaan KKM.
- 3.20. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pengguna untuk mencatatkan dan melaporkan kawasan-kawasan *Hot Spot* dalam liputan kawasan respon masing-masing. Laporan ini hendaklah mematuhi laporan masalah liputan.
- 3.21. Bagi kawasan yang tiada liputan rangkaian radio komunikasi KKM, petugas hendaklah menggunakan sistem komunikasi alternatif seperti telefon bimbit atau radio rangkaian frekuensi selain *TETRA*.

BAB 4 | PENGATURCARAAN RADIO KOMUNIKASI DAN KESELAMATAN MAKLUMAT

4.1. OPERASI RADIO KOMUNIKASI DI PERINGKAT MECC

- 4.1.1. Pemantauan Radio komunikasi di *MECC* memerlukan PPP yang terlatih sebagai pegawai komunikasi.
- 4.1.2. Bagi pemantauan radio komunikasi yang efektif, petugas di *MECC* perlu memahami perkara berikut:
 - 4.1.2.1. Rangkaian *Talk Group* dalam komunikasi.
 - 4.1.2.2. Penggunaan *Talk Group* yang bersesuaian dengan operasi dan tahap komunikasi.
 - 4.1.2.3. Pengaturcaraan pelan komunikasi bagi setiap operasi perkhidmatan.
 - 4.1.2.4. Kod maklumat komunikasi dari aspek *Call Sign* dan kod laporan.
 - 4.1.2.5. Protokol komunikasi antara agensi.

4.2. KESELAMATAN MAKLUMAT SEMASA RADIO KOMUNIKASI

- 4.2.1. Jenis maklumat yang disampaikan melalui radio komunikasi adalah seperti berikut:
 - 4.2.1.1. Maklumat tidak terkawal iaitu maklumat am mengenai sesuatu operasi.
 - 4.2.1.2. Maklumat terhad atau terkawal iaitu maklumat bersifat laporan atau arahan strategik khusus.
- 4.2.2. Prosedur penyampaian maklumat tidak terkawal:
 - 4.2.2.1. Pemilihan *Talk Group* yang bersesuaian di mana semua pengguna maklumat tersebut boleh menerima maklumat yang disampaikan.
 - 4.2.2.2. Penyampaian maklumat hendaklah jelas, tepat dan padat.
 - 4.2.2.3. Penerima maklumat hendaklah mengesahkan bahawa maklumat yang disampaikan telah diterima dan diambil maklum.

- 4.2.3.** Prosedur penyampaian maklumat terhad atau terkawal:
- 4.2.3.1.** Pemilihan *Talk Group* yang bersesuaian di mana hanya pengguna maklumat tersebut boleh menerima maklumat yang disampaikan; atau
 - 4.2.3.2.** Penggunaan kod laporan khas di mana hanya pengguna maklumat tersebut boleh memahami maklumat yang disampaikan.
 - 4.2.3.3.** Penerima maklumat hendaklah mengesahkan bahawa maklumat yang disampaikan telah diterima dan diambil maklum.
- 4.2.4.** Penggunaan *call sign* merupakan kaedah penyampaian komunikasi secara ringkas dan berkesan tanpa pendedahan identiti individu secara terbuka.
- 4.2.4.1.** Semua pengguna rangkaian perlu memahami dan mematuhi peraturan penetapan *call sign* yang terkandung dalam garis panduan ini. [Lampiran 3]
- 4.2.5.** Kod maklumat komunikasi radio merupakan kaedah penyampaian maklumat yang ringkas dan berkesan:
- 4.2.5.1.** Semua pengguna rangkaian perlu memahami dan mematuhi peraturan penetapan kod maklumat komunikasi yang terkandung dalam garis panduan ini.
 - 4.2.5.2.** Kod 9 untuk kegunaan operasi ambulans kecemasan harian. [Lampiran 4]
 - 4.2.5.3.** Kod 9-5 untuk kegunaan operasi Pasukan perlindungan perubatan melibatkan pasukan VIP. [Lampiran 4]

4.3. PENGATURCARAAN TALK GROUP

Setiap terminal dalam rangkaian G/RN mempunyai pengaturcaraan talk group yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Radio Komunikasi Kebangsaan (JTRKK) KKM. Berikut adalah pengaturcaraan *Talk Group* tersebut dan konsep penggunaannya:

<i>Talk group</i>	Bilangan	Kegunaan Aktiviti
KKM National	1-10	Aktiviti Peringkat Nasional KKM cth: Bencana Tahap 3-4 atau <i>medical standby</i> peringkat nasional.

KKM CPRC	1-5	Aktiviti Pengurusan Bencana peringkat KKM apabila bilik CPRC diaktifkan. <i>Talk group</i> dikhususkan untuk aktiviti CPRC.
KKM Utara	1-10	<i>Regional:</i> Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak
KKM Tengah	1-10	<i>Regional:</i> Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan
KKM Selatan	1-10	<i>Regional:</i> Melaka, Johor
KKM Timur	1-10	<i>Regional:</i> Pahang, Terengganu, Kelantan
KKM Borneo	1-10	<i>Regional:</i> Sabah, Sarawak, Labuan
[Negeri]	1-2	Penggunaan JKN dan MECC
	3-10	Aktiviti harian atau khas kepada negeri seperti pengurusan bencana MKN tahap 2
EMTS [Negeri]	1-2	Penggunaan Pakar-pakar Perubatan Kecemasan
	3-10	Khas untuk perkhidmatan kecemasan peringkat negeri (<i>drill</i>).
EMS [Negeri]	1-10	Khas untuk Operasi Ambulans Kecemasan. (Bagi EMS Lembah Klang, bilangan <i>talk group</i> 1-25)
Medical Standby [Negeri]	1-2	Penggunaan peringkat turus tertinggi pasukan perlindungan perubatan
	3-10	Khas untuk operasi pasukan perlindungan perubatan yang terhad kepada sesebuah negeri
Disaster [Negeri]	1-2	Penggunaan peringkat turus tertinggi negeri
	3-10	Khas untuk operasi pengurusan bencana peringkat negeri MKN tahap 1 atau 2
Interfasiliti [Negeri]	1-10	Khas untuk penghantaran pesakit dalam negeri
Interfasiliti [Region]	1-3	Khas untuk penghantaran pesakit antara negeri
Interagensi [Negeri]	1- x *	* Agihan dan bilangan <i>talk group</i> mengikut ketetapan MKN Pengurusan bencana melibatkan agensi-agensi lain dalam negeri.
National Interagensi	1-10	Penggunaan <i>Talk group</i> 5-10 mengikut ketetapan MKN

APM	1	
BSMM	1	
APMM	1	Khas untuk kegunaan negeri untuk komunikasi agensi spesifik.
JBPM	1	
SJAM	1	
DMO	1-6	Komunikasi <i>point to point</i>

4.4. PEMANTAUAN OPERASI HARIAN DI PERINGKAT MECC

- 4.4.1.** Setiap *MECC* dilengkapi dengan 4 *desktop terminal*. Bagi pemantauan operasi harian yang berkesan, berikut adalah penetapan *talk group* bagi desktop terminal di *MECC*:

Desktop Terminal	TG Pemantauan	Fungsi
1 & 2	TG Operasi Harian	Perkhidmatan Ambulans Kecemasan
3	TG Operasi Harian atau Khas	Perkhidmatan Ambulans Kecemasan atau Operasi Khas seperti Pasukan perlindungan perubatan
4	<i>Scan List</i>	Terbuka

- 4.4.2.** Setiap *desktop terminal* di *MECC* mempunyai fungsi *scan list* di mana dia boleh memantau secara serentak 5 TG. Di bawah adalah senarai *scan list*:

Scan List	Senarai TG Yang Dipantau	Fungsi
1	TG [Negeri] 3-7	Operasi Harian
2	TG EMS [Negeri] 1-5	Operasi Ambulans Kecemasan
3	TG KKM [Regional] 3-7	Operasi Peringkat Regional
4	<i>Medical Standby</i> [Negeri] 3-7	Pasukan Perlindungan Perubatan
5	<i>Disaster</i> [Negeri] 3-7	Pengurusan Bencana

BAB 5 | KESELAMATAN MAKLUMAT SEMASA RADIO KOMUNIKASI

5.1. KOMUNIKASI OPERASI AMBULANS KECEMASAN

- 5.1.1. Penggunaan radio komunikasi G/RN adalah kaedah komunikasi utama bagi operasi ini.
 - 5.1.1.1. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pengguna untuk mencatat dan melaporkan kawasan-kawasan *blind spot* dalam liputan kawasan respons masing-masing, melalui talian **Helpdesk G/RN (1-800-88-4476)**.
 - 5.1.1.2. Bagi kawasan yang tiada liputan G/RN, petugas hendaklah menggunakan kaedah komunikasi alternatif seperti telefon bimbit atau radio rangkaian frekuensi selain TETRA.
 - 5.1.1.3. Jika radio rangkaian frekuensi selain TETRA digunakan, agensi pengguna hendaklah sebaik-baiknya menghubungkan sistem tersebut kepada rangkaian G/RN dengan menggunakan teknologi *bridging*.
- 5.1.2. Terdapat empat jenis komunikasi dalam operasi ambulans kecemasan:
 - 5.1.2.1. Laporan status pergerakan pasukan.
 - 5.1.2.2. Laporan status pesakit.
 - 5.1.2.3. Pengaktifan hospital penerima dalam situasi pesakit kritikal.
 - 5.1.2.4. Permohonan *medical direction* atau bantuan logistik.
- 5.1.3. Semua pengguna hendaklah menggunakan *talk group* berdasarkan arahan MECC.
 - 5.1.3.1. Pada bila-bila masa, semasa operasi, MECC berhak mengarahkan mana-mana pasukan ambulans kecemasan menukar *talk group* mereka.
 - 5.1.3.2. Semua pengguna mesti mematuhi *call sign* yang di tetapkan. [Lampiran 3]
- 5.1.4. Komunikasi pasukan ambulans kecemasan adalah terus kepada MECC sahaja.
 - 5.1.4.1. Laporan status pergerakan hendaklah mematuhi kod maklumat komunikasi. [Lampiran 4]

- 5.1.4.2.** MECC bertanggungjawab menyampaikan maklumat status pesakit dan pengaktifan kepada hospital penerima.

5.2. KOMUNIKASI OPERASI PERKHIDMATAN PASUKAN PERLINDUNGAN PERUBATAN

- 5.2.1.** Penggunaan radio komunikasi *GIRN* adalah kaedah komunikasi utama bagi operasi ini.

- 5.2.1.1.** Semasa ketiadaan liputan *GIRN*, petugas hendaklah menggunakan kaedah komunikasi alternatif seperti telefon bimbit atau radio frekuensi selain *TETRA*.

- 5.2.2.** Apabila arahan pasukan perlindungan perubatan diterima, pegawai komunikasi perlu merangka pelan komunikasi.

- 5.2.3.** Pegawai komunikasi semasa merangka pelan komunikasi perlu mendapatkan maklumat seperti berikut:

- 5.2.3.1.** MECC utama pasukan perlindungan perubatan.

- 5.2.3.2.** Bilangan unit berfungsi dalam pasukan perlindungan perubatan.

- 5.2.3.3.** Keperluan *medical base* sementara.

- 5.2.3.4.** *Command structure* pasukan perlindungan perubatan tersebut.

- 5.2.4.** Terdapat 4 jenis pelan komunikasi berdasarkan maklumat yang diperolehi di atas:

Jenis	Aktiviti	Keperluan Komunikasi	Contoh
1	Satu pasukan sahaja	Komunikasi bersama MECC: <i>Medical Standby [Negeri]</i> 2 Komunikasi sesama petugas: <i>DMO</i> 1 atau <i>Medical Standby [Negeri]</i> 3	Pasukan Perlindungan Perubatan aktiviti VIP
2	Satu pasukan <i>mobile</i> + satu pasukan klinik	Komunikasi turus tertinggi: <i>Medical Standby [Negeri]</i> 1 Komunikasi ketua unit bersama MECC: <i>Medical Standby [Negeri]</i> 2	Pasukan perlindungan perubatan Dewan Rakyat atau Majlis Sukan tanpa VIP

		Komunikasi sesama petugas pasukan <i>mobile</i> : <i>DMO</i> 1 atau <i>Medical Standby [Negeri]</i> 2 Komunikasi sesama petugas pasukan klinik: <i>DMO</i> 2 atau <i>Medical Standby [Negeri]</i> 4	
3	Satu pasukan <i>mobile</i> + satu pasukan klinik + satu bilik gerakan atau <i>base</i> sementara	<p>Komunikasi turus tertinggi: <i>Medical Standby [Negeri]</i> 1</p> <p>Komunikasi <i>medical</i> komander/<i>base</i> sementara bersama MECC: <i>Medical Standby [Negeri]</i> 2</p> <p>Komunikasi ketua-ketua unit kepada <i>base</i> sementara: <i>Medical Standby [Negeri]</i> 3</p> <p>Komunikasi sesama petugas setiap unit operasi: <i>DMO</i> 1-6 (mengikut keperluan) atau <i>Medical Standby [Negeri]</i> 4 dan seterusnya mengikut keperluan</p>	Pasukan Perlindungan Perubatan Sambutan Perayaan Peringkat Negeri
4	Pasukan Perlindungan Perubatan Pelbagai Negeri	<i>Talk Group Regional</i> mengikut bilik gerakan utama pasukan perlindungan perubatan berkenaan	Sukma di negeri Pahang.

5.2.5. Pasukan Perlindungan Perubatan bertanggungjawab membuat tinjauan keberkesanan liputan *G/RN* di lokasi acara. Jika liputan *G/RN* didapati tidak memuaskan, maka pasukan berkenaan boleh mengambil tindakan seperti berikut:

- 5.2.5.1.** Membuat permohonan pasukan tinjauan liputan dari Pemegang Konsesi untuk memberi cadangan peningkatan liputan *G/RN* mengikut tatacara yang ditetapkan dalam **Bab 3** garis panduan ini.
- 5.2.5.2.** Membuat permohonan mendapatkan peralatan seperti *briefcase* bagi meningkatkan liputan *G/RN* atau pembukaan gateway di kawasan berkenaan mengikut tatacara yang ditetapkan dalam **BAB 6** garis panduan ini.

- 5.2.5.3.** Mendapatkan kaedah komunikasi alternatif selain *G/RN*.
- 5.2.6.** Konsep *call sign* dalam operasi Pasukan Perlindungan Perubatan mengutamakan identiti unit fungsi petugas. Pengaturan tetap penggunaan *call sign* adalah seperti dalam Lampiran 3.
- 5.2.7.** Dalam komunikasi Pasukan Perlindungan Perubatan terutama aktiviti yang melibatkan *VVIP*, laporan insiden kecemasan merupakan komunikasi terkawal yang bersifat sulit dan mempunyai impak kepada keselamatan negara.
 - 5.2.7.1.** Laporan tersebut hendaklah menggunakan kod laporan spesifik seperti dalam Lampiran 4.
 - 5.2.7.2.** Kod yang digunakan bukan bersifat tetap dan boleh diubah oleh *Medical Commander* aktiviti pasukan perlindungan perubatan tersebut.

5.3. KOMUNIKASI OPERASI SEMASA BENCANA

- 5.3.1.** Penggunaan radio komunikasi *G/RN* adalah kaedah komunikasi utama bagi operasi ini.
 - 5.3.1.1.** Semasa ketiadaan liputan *G/RN*, petugas hendaklah menggunakan kaedah komunikasi alternatif seperti telefon bimbit atau radio frekuensi selain *TETRA*.
- 5.3.2.** Komunikasi semasa bencana terbahagi kepada empat peringkat:
 - 5.3.2.1.** Komunikasi pasukan di tempat kejadian, yang diketuai oleh *Onsite Medical Commander (OMC)* dengan bantuan Pegawai Komunikasi (PKOM) di tempat kejadian.
 - 5.3.2.2.** Komunikasi fasiliti perubatan akan mengkoordinasi pengurusan awal mangsa di peringkat *MECC* sehingga *Emergency Department Operation Center (EDOC)* beroperasi.
 - 5.3.2.3.** Komunikasi antara fasiliti perubatan bersama *CPRC Negeri* hendaklah melalui Bilik Gerakan Bencana Hospital atau *EDOC* (jika bilik gerakan bencana hospital tidak diaktifkan).
 - 5.3.2.4.** Komunikasi antara *CPRC Negeri* dan *CPRC KKM* yang menerima laporan operasi dan pengurusan mangsa di fasiliti perubatan.

5.4. PELAN KOMUNIKASI DI TEMPAT KEJADIAN

5.4.1. *Incident command structure* di tempat kejadian mempunyai unit berfungsi seperti berikut:

5.4.1.1. *Command and Control* yang mempunyai anggota berikut:

5.4.1.1.1. *Onsite Medical Commander (OMC).*

5.4.1.1.2. *Medical Liaison Officer (MELO).*

5.4.1.1.3. Pegawai Komunikasi (PKOM).

5.4.1.1.4. Pegawai Logistik.

5.4.1.1.5. *Clinical Commander.*

5.4.1.1.6. *Medical Search and Rescue Officer (MESARO).*

5.4.1.1.7. *Transport Officer.*

5.4.1.2. *Field Triage Unit* yang bertanggungjawab untuk pengurusan mangsa di pusat pengumpulan mangsa bersama triage mangsa.

5.4.1.3. *Field Medical Base* yang mempunyai petugas-petugas klinikal di kawasan perawatan merah, kuning dan hijau.

5.4.1.4. Unit Pengangkutan.

5.4.1.5. *Forward Medical Team* yang diketuai oleh MESARO.

5.4.2. Pelan komunikasi ini mempunyai beberapa tahap:

5.4.2.1. Komunikasi ke luar lokasi kejadian hanya boleh dilakukan di bawah kawalan OMC dengan bantuan PKOM. Komunikasi ini hanya dilakukan kepada MECC/ EDOC.

5.4.2.2. Komunikasi antara agensi di PKTK hanya boleh dilakukan di bawah kawalan OMC dengan bantuan MELO atau PKOM.

5.4.2.3. Komunikasi dalam unit bertugas hanya boleh dilakukan oleh sesama anggota unit sahaja. Komunikasi ini tidak boleh melangkaui unit sendiri.

5.4.3. Komunikasi antara unit hanya dilakukan oleh ketua unit (*Team leader*) dan OMC sahaja.

5.5. PENETAPAN TALK GROUP DI TEMPAT KEJADIAN

Jenis Komunikasi	Penetapan TG	Fungsi
Komunikasi ke luar	<i>Disaster [Negeri] 3</i>	Laporan status dan respons lokasi kejadian. Maklumat penghantaran mangsa. Permintaan bantuan logistik.
Komunikasi antara agensi PKTK	Interagensi [Negeri] 4	Komunikasi antara agensi dan OMC. Rujuk Arahan terkini MKN atau APBN
Komunikasi antara unit	<i>Disaster [Negeri] 4</i>	Komunikasi antara ketua unit bersama OMC
Komunikasi dalaman unit	<i>DMO 1-6</i> atau <i>Disaster [Negeri] 5-(mengikut jumlah unit)</i>	Komunikasi dalaman unit antara ketua unit dan anggotanya.

5.6. PELAN KOMUNIKASI DI FASILITI KKM

- 5.6.1.** *Emergency Department Operation Center (EDOC)* mempunyai petugas-petugas berikut:
- 5.6.1.1.** *Medical Incident Coordinator (MIC)*.
 - 5.6.1.2.** Pegawai Komunikasi (PKOM).
 - 5.6.1.3.** Pegawai Logistik.
 - 5.6.1.4.** Pegawai Rekod.
- 5.6.2.** Alat utama komunikasi di *EDOC* adalah talian telefon, faks dan internet.
